

DARI HASHIM MAKARUDDIN 1979

MUNICH, 23 APRIL (BERNAMA)—MALAYSIA MERUPAKAN SEBUAH PANGKALAN YANG MENGUNTUNGKAN BAGI PERUSAHAAN PERKILANGAN BUKAN SAHAJA UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN RANTAUAN TERUTAMA ASEAN TETAPI JUGA PASARAN DUNIA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENAMBAH BAHAWA MALAYSIA MEMPUNYAI SUMBER-SUMBER SEMULAJADI, TENAGA RAKYAT, INFRASTRUKTUR, KEKUATAN EKONOMI DAN MATA WANG DAN KESETABILAN POLITIK DAN KEWANGAN.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA DEMIKIAN DI SEMINAR MENGENAI INDUSTRI BERASASKAN KAYU DAN PERALIHAN PLASTIK YANG DIADAKAN SEMPENA LAWATAN ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN MALAYSIA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA APA YANG MALAYSIA PERLUKAN BAGI MEMBOLEHNYA BERJAYA DALAM USAHA-USAHA MEMAJUKAN INDUSTRI NYA IALAH PENGETAHUAN TEKNIK, KEMAHIRAN PENGURUSAN, MODAL DAN JALAN-JALAN KELUAR PASARAN EKSPORT YANG TERDAPAT DI NEGARA-NEGARA PER-INDUSTRIAN.

+KAMI SEDAR BAHAWA SYARAT-SYARAT BAGI PERTUMBUHAN PERINDUSTRIAN YANG PESAT TERDAPAT DI SINI,+ TEGASNYA.

MAHATHIR-KAYU 2 MUNICH (EMBARGO)

+ APA YANG KAMI CIBANGKAI IALAH PENYATUAN SUMBER-SUMBER YANG TERDAPAT DI MALAYSIA DAN APA YANG TERDAPAT DI KALANGAN MASYARAKAT PERUSAHAAN DI NEGARA INI DALAM MEWUJUDKAN PROJEK-PROJEK PERKILANGAN DI MALAYSIA YANG AKAN MENDATANGKAN FAEDAH BERSAMA KEPADA MALAYSIA DAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG MELABUR,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA SEDAR BAHAWA SETENGAH-SETENGAH NEGARA DI EROPAH MENGHADAPI MASALAH-MASALAH SENDIRI DALAM BENTUK PENGANGGURAN YANG KIAN BERTAMBAH.

KATANYA, MALAYSIA TELAH DATANG KE NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN BUKAN UNTUK MEMBENTANGKAN CADANGAN-CADANGAN YANG BOLEH MEWUJUDKAN PERSAINGAN DALAM PELUANG-PELUANG PEKERJAAN ANTARA PEKERJA-PEKERJA NEGARA-NEGARA MEREKA DENGAN PARA PEKERJA DI MALAYSIA.

+APA YANG KAMI MAHUKAN IALAH CARA MENOKOK-TAMBAH KEPADA EKONOMI KAMI. TENAGA PEKERJA YANG CUKUP +SOPHISTICATED+ DAN MAHIR JANGANLAH DIBAZIRKAN BAGI MENGELUARKAN BARANG-BARANG BUATAN YANG MEMERLUKAN TENAGA KERJA YANG BESAR.

+ MEREKA HENDAKLAH DIGUNA UNTUK MENGELUARKAN TEKNOLOGI TINGGI, BARANG-BARANG BUATAN YANG BERTAMBAH NILAI YANG MEMBERI KEADILAN KEPADA KOSNYA,+ TEGASNYA.

—BERSAMBUNG 1555/AH

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DISEBALIKNYA MALAYSIA BOLEH MENGELUARKAN BARANG-BARANG BUATAN YANG KURANG SOPHISTICATED YANG MEMERLUKAN TENAGA KERJA YANG INTENSIF YANG MASIH DIPERLUKAN OLEH DUNIA.

DENGAN HASIL PENDAPATAN ITU, MALAYSIA BOLEH MEMBELI BAHAN-BAHAN YANG MAHAL-MAHAL YANG IA TIDAK DAPAT KELUARKAN SENDIRI.

KATANYA, KEADAAN MENOKOK-TAMBAH KEPADA PERINDUSTRIAN ITU AKAN DAPAT BERJALAN BAGI SATU JANGKA MASA YANG LAMA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KEMUNGKINAN MALAYSIA MENJADI SEBUAH NEGARA JEPUN YANG LAIN ADALAH SANGAT KECIL.

DENGAN ITU, PARA PENGUSAHA YANG MALAYSIA CUBA MENARIK AGAR MELABUR DI NEGARA ITU DAN PARA PEKERJANYA TIDAK PERLU BIMBANG.

KATANYA, MALAYSIA DATANG UNTUK MENAWARKAN PILIHAN BAGI MEREKA SAMA ADA YANG INGIN MELUASKAN OPERASINYA DI SEBERANGLAUT BAGI MENGEKAL ATAU MENAMBAH KEADAAN BERSAINGAN DALAM PASARAN DUNIA ATAU MEREKA YANG SEDANG MENGHADAPI MASALAH TANAH, TENAGA KERJA DAN BAHAN-BAHAN MENTAH UNTUK MENIMBANG MALAYSIA SEBAGAI TAPAK BAGI PELABURAN BAHU MEREKA.

—BERSAMBUNG 1600/AH

MAHATHIR-KAYU 4 MUNICH (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU PARA USAHAWAN ITU TENTANG SUMBER BARU MALAYSIA — PETROLIUM DAN GAS ASLI YANG DI-TAWAR BAGI PELABURAN.

KATANYA, MALAYSIA KINI MERUPAKAN PENGELUAR DAN PENGEKSORT UTAMA MINYAK MANAKALA GAS ASLI AKAN MERUPAKAN SATU LAGI BAHAN YANG AKAN DIEKSORT DARI MALAYSIA APABILA PROJEK GAS CECAIR MULA DIKELUARKAN MENJELANG TAHUN 1983.

BELIAU YAKIN DENGAN ADANYA SUMBER-SUMBER MINYAK DAN GAS, TERDAPAT PELUANG YANG BESAR BAGI MEMAJUKAN SATU INDUSTRI PETRO-KINIA YANG BARU.

BERUCAP DI SEMINAR YANG SAMA, Pengerusi MIDA, DATUK JAMIL JAN BERKATA MALAYSIA MENGALU-ALUKAN TEKNOLOGI DAN KEPAKARAN ASING BAGI MENGADAKAN RANSANGAN UNTUK MEMAJUKAN INDUSTRI PERALIHAN PLASTIK LEBIH LANJUT LAGI.

KATANYA, INDUSTRI PLASTIK MALAYSIA BERKEMBANG DENGAN PESATNYA HINGGAKAL. PENGILANG BARU HENDAKLAH MENIMBANGKAN PELUANG BESAR +ZAMAN PLASTIK+ YANG DISEDIAKAN DALAM BENTUK PEMBAIKAN BARANG-BARANG DAN PENGURANGAN KOS.

—BERSAMBUNG 1603/AH

KATANYA, PENGUSAHA PLASTIK MALAYSIA SETAKAT INI MENEKANKAN PENGELUARANNYA KE ATAS BARANG-BARANG KELUARAN GANTIAN IMPORT YANG KINI MENCAPAI TARAF TEPU (SATURATION).

DENGAN ITU PERUSAHAAN ITU PERLU DIPELBAGAIKAN BAGI MENGELUARKAN BARANG-BARANG BUATAN BERBENTUK KECIL TETAPI BERHARGA MAHAL TERUTAMA BAGI EKSPORT DAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN PENGGUNAAN BARU BAGI MENGGANTIKAN BARANG-BARANG KONVENSIIONAL SEPERTI BARANG-BARANG GELAS, KAYU DAN PROCELAIN.

BARANG-BARANG YANG DICADANGKAN ITU TERMASUKLAH PLASTIK BAGI KEGUNAAN PEMBUNGKUSAN, PAIP DAN BARANG-BARANG KEBERSIHAN, PERABOT DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PERABOT, ALAT-ALATPERUBATAN DAN ALAT-ALAT PLASTIK BAGI KEJURUTERAAN.

DATUK JAMIL BERKATA PERUSAHAAN PLASTIK KINI MERUPAKAN INDUSTRI SOKONGAN UTAMA MALAYSIA DENGAN JUMLAH PELABURAN DALAM BENTUK BARTA TETAP YANG DITAKSIRKAN SEBANYAK \$50 JUTA DAN MEMBERI PEKERJAAN KEPADA LEBIH DARI 21,000 ORANG.

MENGENAI SEKOP INDUSTRI BERASASKAN KAYU, BELAIU BERKATA PEMBANGUNAN MASA DEPAN INDSTRITRI ITU AKAN DIBUAT KE ARAH MENGEMBANGKAN SEKTOR MEMPROSES.

—BERSAMBUNG 1607/AH

MAHATHIR-KAYU 6 MUNICH (EMBARGO)

INI TERMASUKLAH PENUBUHAN KOMPLEKS-KOMPLEKS KAYU YANG DISATUKAN DI SARAH DAN SARAWAK, PENGELUARAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PERABOT, PERABOT PASANGSIAP, ALAT-ALAT TANGGAMAN SEPERTI PINTU DAN RANGKA.

KATANYA, USAHA-USAHA SEDANG DIJALANKAN UNTUK MENAMBAHKAN KECEKAPAN YANG SEDIA ADA DALAM INDUSTRI ITU.

INI TERMASUK MEMBAIKI CARA-CARA OPERASI, PENGURUSAN LEBIH BAIK, PERMODENAN, PELBAGAIAN KE ARAH CARA-CARA PENGELUARAN YANG LEBIH BAIK, PENGGUNAAN SUMBER HUTAN DENGAN LEBIH TERATUR DAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBESARAN KEPADA KILANG-KILANG BARU YANG DIRANCANG DENGAN BAIK.

DATUK JAMIL BERKATA KERAJAAN MALAYSIA GIAT MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN INDUSTRI BERASASKAN KAYU DI NEGARA ITU.

PERTUMBUHAN YANG JELAS TELAH DIALAMI OLEH INDUSTRI ITU DAN KINI HASIL DARI PERTUMBUHAN ITU IALAH KEDUDUKAN MALAYSIA SEBAGAI PENGEKSORT UTAMA KAYU KERAS TROPIKA.

HASIL DARI EKSPORT KAYU DAN BARANG-BARANG BUATAN DARI KAYU BERJUMLAH \$2,800 JUTA BAGI TAHUN LALU, TEGASNYA.